

TARIKH	21 / 04 / 2014	SEKSYEN	NEGARA
MUKA SURAT	18	RUANGAN	

Hanya tinggal 14 orang dikenakan pengawasan rumah di Kampung Bintang

Penduduk bebas wabak MERS-CoV

BATU PAHAT - Seramai 1,036 penduduk Kampung Bintang di sini diisytihar bebas daripada sebarang simptom jangkitan Sindrom Pernafasan Timur Tengah-Virus Korona (MERS-CoV) yang meragut nyawa seorang penduduk di situ.

Menurut Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar negeri, Datuk Ayub Rahmat (gambar kecil), jumlah penduduk yang dikenakan pengawasan dalam rumah juga telah berkurang iaitu hanya 14 daripada 64 orang.

Katanya, Jabatan Kesihatan negeri juga membuat keputusan untuk menutup operasi Pusat Pemeriksaan Khas jangkitan itu yang dibuka di Kompleks Penghulu Mukim Peserai setelah mendapati tiada penularan wabak itu berlaku.

"Pasukan Kesihatan telah menyaring hampir kesemua penduduk yang meliputi 274 buah ru-



KERATAN Kosmo! 18 April 2014.

mah. Sebanyak 243 rumah telah dilawati dan bakinya merupakan rumah kosong yang tidak berpenghuni.

"Oleh itu, Kementerian Kesihatan telah mengesahkan wabak berkenaan terkawal dan memutuskan untuk menutup operasi pusat pemeriksaan

khas terbabit mulai hari ini (semalam)," katanya ketika dihubungi semalam.

"Keadaan 14 penduduk yang masih diawasi juga berada dalam keadaan baik dan menunjukkan perubahan positif untuk bebas daripada simptom berkaitan jangkitan itu," ujarnya.

Sementara itu, Penghulu Mu-

kim 3 Peserai, Mohd. Redza Abdul Rahman berkata, beliau bersyukur kerana wabak tersebut terkawal dan meminta agar tiada pihak yang menyebarkan berita palsu tentang penyakit itu.

"Terdapat segelintir pihak tidak bertanggungjawab menyebarkan berita palsu di laman sosial Facebook dengan mendakwa seluruh ahli keluarga mangsa pertama MERS-CoV, Allahyarham Kamaroz Zaman Jafri telah dijangkiti virus berbahaya itu.

Pada 13 April lalu, Allahyarham Kamaroz Zaman, 54, dilaporkan meninggal dunia di Hospital Sultanah Nora Ismail di sini akibat pneumonia teruk susulan jangkitan MERS-CoV.

Dalam pada itu, Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr. Noor



PUSAT Pemeriksaan Khas jangkitan MERS-CoV di Kampung Bintang, Batu Pahat, Johor sudah ditutup semalam setelah mendapati tiada penularan wabak itu berlaku.

Hisham Abdullah berkata, tiada kes baharu sindrom MERS-CoV yang dikesan sehingga 19 April lalu di seluruh negara.

Orang ramai boleh mendapatkan maklumat terkini berkaitan jangkitan MERS-CoV di laman web www.moh.gov.my.